

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD
KAWASAN : PASIR PUTEH

SOALAN:

YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang pembinaan jambatan-jambatan kecil dari sempadan Kelantan-Terengganu Bukit Yong hingga ke Melor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan dari Bukit Yong ke Melor, Kelantan ialah merujuk kepada Jalan Persekutuan 3 (FT03) di mana terdapat 16 unit jambatan di sepanjang kira-kira 40km laluan berkenaan.

Dalam tempoh RMKe-10 ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi menaik taraf 3 unit jambatan di sepanjang laluan tersebut. Daripada 3 unit jambatan itu, satu unit jambatan iaitu di Kg. Pak Badol, Pasir Puteh telah disiapkan pada bulan Mei 2014 yang lalu. Manakala 2 unit jambatan lagi sedang dalam peringkat pembinaan, iaitu jambatan di atas Sg. Melor (FT003/688/00) – jangka siap pada akhir tahun 2014 – dan jambatan di Kg. Wakaf Bunut, Pasir Puteh (FT003/665/30) – jangka siap pada bulan Mei 2015.

Untuk perancangan jangka hadapan (RMKe-11), kementerian ini melalui JKR sedang mengenal pasti senarai projek penggantian jambatan di seluruh negara. Ini termasuklah di Jalan Persekutuan 3 Kuala Terengganu – Kota Bharu. Pelaksanaan projek bagi program penggantian jambatan ini akan dilaksanakan mengikut senarai keutamaan dan peruntukan yang diluluskan oleh Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.